

BAB DUA

**NASIONALISME DAN
PERKEMBANGANNYA**

BAB 2: NASIONALISME DAN PERKEMBANGANNYA

Nasionalisme merupakan suatu ideologi yang sering diperbahaskan terutama sekali di kalangan para intelektual. Justeru timbulnya pelbagai perbahasan tentang ideologi ini, pelbagai takrifan atau definisi tentangnya turut dikaji, diteliti dan dipertikaikan mengikut kesesuaian masa dan tempat.

2.1 Pengertian Tajuk

Sebelum melangkah lebih jauh, pengertian pengaruh dan nasionalisme perlu diuraikan secara terperinci agar skop penyelidikan menjadi lebih jelas lagi untuk difahami dan tidak lari daripada fokus kajian penulis.

2.1.1 Definisi Pengaruh

Pengaruh atau *influence* merupakan istilah yang membawa pelbagai makna mengikut kegunaannya dan kesesuaian setempat. Pengertiannya lebih tertumpu kepada kuasa dan juga kesan yang terhasil susulan daripada pengaruh tersebut. Antaranya ialah;

- 1) Kuasa, tangan, perintah, mendorong, memberangsang.³²
- 2) Kuasa yang dihasilkan daripada benda lain ke atas benda lain seperti kekuatan batin yang meninggalkan kesan pada benda lain.³³

³² Hj. Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu*. K. Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. hlm. 1397.

³³ Hasan Hamzah (1995), *Kamus Melayu Global*. K. Lumpur: Piramid Perdana Sdn. Bhd. hlm. 871.

- 3) Kuasa yang terbit daripada orang, benda dan lain-lain.³⁴
- 4) *Influence* – kuasa untuk mengubah sifat, kepercayaan dan kelakuan seseorang melalui tauladan, paksaan dan lain-lain.³⁵
- 5) *Influence* –the power to effect, character or beliefs.³⁶
- 6) *Influence* –power to product an effect.³⁷

Kesan sesuatu pengaruh adalah tertakluk kepada kekuatan pengaruh itu sendiri sama ada ia akan menghasilkan kesan positif atau negatif. Oleh itu, pengaruh nasionalisme juga merupakan satu kekuatan ideologi yang menghasilkan kesan positif atau negatif berdasarkan kekuatan yang ada padanya.

2.1.2 Definisi Nasionalisme

Etimologis mengatakan nasionalisme berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud; bangsa yang dipersatukan melalui kelahiran nasionalisme. Ia merupakan satu gerakan sosial suatu aliran rohaniah yang dapat menyatukan rakyat dalam sebuah negara serta membangkitkan masyarakat dalam keadaan politik dan sosial yang aktif.³⁸ Pada tahun 1882M, Ernest Renan mendefinisikan '*nation*' sebagai satu jiwa yang berdasarkan ajaran berbentuk kerohanian.³⁹ Dalam konteks penjajahan di Asia Tenggara, nasionalisme

³⁴ Teuku Hamzah (1995), *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. K.Lumpur: DBP, hlm.862.

³⁵ *Kamus Dwi bahasa Inggeris-Melayu*(1995)K.Lumpur: DBP, hlm.629.

³⁶ A.S Hornby (1992), *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. England:Oxford University Press, hlm.611.

³⁷ Oxford Advanced Learner's Dictionary: Encyclopedic Edition (1992), England: Oxford Universiti Press, hlm.464.

³⁸ K.Ramanathan (1988), *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: DBP,hlm.163.

³⁹ <http://www.dartmouth-edu/~ames21/classwork/kkim-1-nationalism.html> disemak pada 23hb Julai 2001

secara khususnya membawa pengertian; suatu kesedaran yang membangkitkan semangat bertujuan untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan.⁴⁰

Selain itu, nasionalisme juga bermaksud; perasaan patriotik cintakan tanahair ataupun satu gerakan yang berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan bagi sesebuah negeri yang dikuasai oleh sesebuah negeri yang lain.⁴¹ Pelbagai takrifan tentang nasionalisme turut dinyatakan, antaranya ialah:

- i) Perasaan kesetiaan yang tinggi pada sesuatu bangsa iaitu semangat cintakan tanahair.
- ii) Kecenderungan untuk lebih meminati bangsa sendiri terutama untuk menyaingi bangsa-bangsa lain.
- iii) Sikap untuk menghubungkan kepentingan yang tinggi kepada bangsa.
- iv) Satu pengajaran yang memastikan bahawa kebudayaan kebangsaan hendaklah dipelihara.⁴²

Menurut Han Kohn, nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan fikiran yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk dikalangan semua anggota. Beliau juga mengiktirafkan negara sebagai sebuah organisasi yang unggul dan bangsa sebagai punca kesejahteraan ekonomi.⁴³ A.D Smith pula mendefinisikan nasionalisme sebagai satu pergerakan ideologi ke arah mencapai dan

⁴⁰ <http://members.tripod.com/PBMUM/sejarah35.html> disemak pada 2 hb Sept. 2001.

⁴¹ Joyce M. Hawkins (1988), *The Oxford Large Print Dictionary*. Great Britain: Oxford University Press, hlm. 542.

⁴² K. Ramanathan (1988), *Op.cit.* hlm. 163.

⁴³ R. Suntharalingam (1984: 2). Lihat Mohd Fuad Sakdan (1997), *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP, hlm. 109.

mempertahankan hak kekuasaan dan keperibadian sendiri bagi sesuatu kumpulan sosial yang sesetengah ahli menganggapnya sebagai suatu bangsa yang sebenar atau berkemungkinan menjadi satu bangsa.⁴⁴

Manakala Leon Baradat berpendapat, nasionalisme merupakan satu idea politik yang paling berpengaruh dan merupakan semangat atau tanggungjawab kepada negara yang melibatkan ketaatan dan pengorbanan. Ia juga merupakan satu fahaman yang menyatakan kesetiaan tertinggi setiap individu harus diserahkan kepada negara. Kesetiaan tertinggi ini merupakan suatu perasaan yang amat mendalam yang dapat mewujudkan suatu ikatan erat dengan tanah tumpah darahnya.⁴⁵

Dalam bahasa Arab, *'asabiyyah* dan *qawmiyyah* merupakan dua istilah yang biasa digunakan bagi menyatakan tentang fahaman ini. *'Asabiyyah* bermaksud kaum kerabat daripada pihak si bapa dan kecenderungan kepada ahli kekeluargaan serta bekerjasama dalam segala hal sesama mereka.⁴⁶ Perkataan *qawmiyyah* pula merupakan perkataan yang disandarkan kepada perkataan *qawm* yang membawa maksud perasaan perkauman.⁴⁷ Menurut Ustaz Abu Bakar Hamzah, pengertian kalimah *'asabiyyah* ialah menolong kaum atau puak sendiri atas perkara yang palsu atau batil dan bukan merupakan *'asabiyyah* jika

⁴⁴ A.D Smith (1973,26). Fuad Sakdan (1997). *Op.cit*, hlm 109.

⁴⁵ Leon Baradat (1979), *Political Ideologies: Their Origins and Impact*, New Jersey : Englewood Cliffwood, Prentice Hall, hlm 37-47

⁴⁶ Mas'ūd Jubrān (1987), al-Rā'id, *M'ujam Lughawi 'Asri*, jld 2. Bayrūt :Dār lil-Malāyīn, hlm.1028.

⁴⁷ Mas'ūd Jubrān (1987) *Ibid*, hlm 1212.

menolong kaum sendiri atas kebenaran yang hak.⁴⁸ Dr. 'Abd.al-Karīm Zaydān pula menyatakan, perkataan '*asabiyyah* bermaksud; bekerjasama dalam perkara-perkara hak dan batil yang disertai bersama oleh beberapa pihak atas dasar keturunan, kabilah dan ahli keluarga. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat jāhiliyah berpegang dengan slogan mereka *أَنْصُرُ أَخِيَّ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا* "Bantulah saudara kamu yang melakukan kezaliman dan yang dizalimi". Slogan ini bermaksud; kamu hendaklah berada disisi saudara kamu dalam dua situasi tersebut. Kemudiannya slogan ini diterima pakai dalam ajaran Islam dengan maksud yang berlainan, iaitu; "Bantulah saudara kamu yang zalim dengan cara menegahnyanya daripada melakukan kezaliman atau saudara kamu yang dizalimi dengan cara berada disisinya untuk menentang kezaliman yang menimpa ke atas dirinya".⁴⁹

Ketika menghangatnya kontroversi antara Islam dan nasionalisme di Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad menegaskan bahawa nasionalisme merupakan suatu alat untuk mempertahankan Islam dan melindungi umatnya.⁵⁰ Dalam dunia hari ini, negara-negara yang maju dalam sektor ekonomi dan perindustrian seperti Korea, mendefinisikan nasionalisme sebagai satu alat ekonomi. Dengan kata lain, nasionalisme merupakan satu alasan untuk menjamin ekonomi negara agar ia terkawal dan tidak terbuka kepada perdagangan dan pelaburan asing dari luar negara secara meluas.⁵¹

⁴⁸ Abu Bakar Hamzah (1989), *Islam dan Nasionalisme di Malaysia* K.Lumpur : Siri Fikiran Islam, hlm 8.

⁴⁹ 'Abd al- Karīm Zaydān (Dr) (1992), *Uṣūl al-Dīn al-ʿawwal*, Ed 6. Baghdād : Maktabah al-Quds Dār al-Wafā', hlm 106.

⁵⁰ Siddiq Fadhil (Dr) (1992) *Minda Melayu* K.Lumpur : Institut Kajian Dasar, hlm 91.

⁵¹ <http://www.dartmouth-edu.ames21.classwork.kkim-1-nationalism.html> .Disemak pada 23 hb Julai 2001.

Pembangunan merupakan satu perkara yang tidak boleh dipisahkan daripada pembebasan. Pembangunan pada dasarnya ialah pembebasan dari segi material, intelektual sosial, rohaniah dan kesenian. Meskipun begitu, asas utamanya ialah kemerdekaan ekonomi yang hanya dapat dicapai melalui rangka nasionalis yang anti-imperialis.⁵²

Pengertian nasionalisme berbeza mengikut fahaman dan pemikiran individu dalam sesebuah masyarakat yang berlainan keturunan, adat dan budaya serta berdasarkan kepada peralihan zaman dan situasi dalam sesebuah negara. Oleh yang demikian, pengertian nasionalisme dalam sesebuah negara yang dijajah dan pernah dijajah berbeza jika dibandingkan dengan sesebuah negara yang dianggap sebagai negara penjajah. Bagi rakyat yang tanahair mereka pernah dijajah seperti Tanah Melayu, pengertian nasionalisme yang sentiasa berlegar dalam pemikiran mereka ialah kecenderungan dan cita-cita untuk memerdekakan tanahair mereka sama ada dengan cara damai ataupun dengan cara mengangkat senjata. Manakala bagi negara yang pernah digelar sebagai negara penjajah seperti Jepun dan British, pengertian nasionalisme yang tertanam dalam pemikiran mereka ialah ketaatan kepada negara demi untuk memperluaskan empayar takluk walaupun mereka terpaksa mengorbankan nyawa mereka sendiri di bumi asing.

2.2 *'Asabiyyah* dan Nasionalisme

Dalam sejarah pemikiran politik Melayu, konsep nasionalisme mula menjadi isu kontroversial apabila ia dikaitkan dengan faham *'asabiyyah jāhilliyyah* atau sikap fanatik

⁵² Renato Constantino (1989), *Pilihan Nasionalis*, K. S Jomo (Terj.) K. Lumpur: DBP, hlm. 126.

kesukuan seperti yang pernah diamalkan oleh masyarakat Arab pra-Islam. Selama ini fahaman dan perjuangan kebangsaan Melayu tidak pernah dirasakan sebagai sesuatu yang tidak Islamik. Malah nasionalisme Melayu moden dikatakan bermula dengan nasionalisme keagamaan, iaitu gerakan pembaharuan Islam yang dipelopori oleh tokoh-tokoh agamawan seperti Syeikh Tāhir Jalāl al-Dīn dan Syeikh al-Hādī.⁵³ Namun perkara yang sering dipertikaikan ialah sejauh manakah hubungkait antara kedua-duanya ? Ramai di kalangan pengkaji yang menitik beratkan persoalan tentang 'asabiyyah dan nasionalisme ini dengan mengkategorikannya kepada dua pendapat;

- i) Pendapat yang menyatakan nasionalisme Melayu tidak bersifat 'asabiyyah.
- ii) Pendapat yang menyatakan nasionalisme Melayu bersifat 'asabiyyah.⁵⁴

Meskipun begitu, apa yang harus diberi perhatian ialah penggunaan perkataan 'asabiyyah dan nasionalisme hanya merupakan mekanisme politik di kalangan ahli-ahli politik tanah air masa kini dalam usaha meraih sokongan rakyat. Malah setiap kenyataan atau pendapat para intelektual Malaysia tentang 'asabiyyah dan nasionalisme merupakan fakta-fakta yang berkecenderungan ke arah ideologi politik kepartian, sama ada kecenderungan tersebut ke arah rentak politik parti pemerintah atau politik parti pembangkang.

Apa yang penting dan harus difahami oleh umat Islam kini ialah 'asabiyyah merupakan satu kelompok yang wujud di dalam kelompok yang lebih besar, sama ada

⁵³ Siddiq Fadhil (Dr.) (1992). *Op.cit.*, hlm. 99.

⁵⁴ Abd. Basir Alias (2002), *Ancaman Nasionalis Sekular Eksrtim di Malaysia*, Selangor : al-Syabab Media, hlm.168-174. Lihat juga Abd. Aziz Mohd Zin (1991), *Syahadah Ibadah Asabiah Dakwah*, Selangor : Tempo Publishing(M) Sdn.Bhd, hlm 81.

kelompok yang lebih besar itu merupakan nasionalisme ataupun kelompok Islam. Dengan kata lain, *'asabiyyah* wujud di kalangan perkumpulan nasionalisme dan juga dalam perkumpulan Islam.

Oleh itu tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa fahaman *'asabiyyah* juga wujud dalam kelompok ideologi-ideologi lain seperti pragmatisme, patriotisme, komunisme, liberalisme, kolonialisme, rasionalisme dan sebagainya yang lahir daripada acuan fahaman sekular dunia Barat. Dalam suasana kemelut politik masa kini, skop pengertian perkataan *'asabiyyah* telah dipersempit dan diperluaskan mengikut cita rasa ideologi politik masing-masing. Keadaan ini berlarutan disebabkan timbulnya pelbagai tahap kefahaman terhadap pengertian perkataan *'asabiyyah* sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah (s.a.w):

وقد روى أبو داود في سننه، عن النبي صلى الله عليه وسلم ، أنه قيل له : أمن العصبية أن ينصر أخاه في الحق ؟ قال : لا ، قال : ولكن من العصبية أن ينصر الرجل قومه في الباطل.

"Adakah dari perbuatan 'asabiyyah bahawa seseorang itu menolong kaumnya pada kebenaran?". Rasulullah menjawab *"Tidak, tetapi adalah dari perbuatan 'asabiyyah jika seseorang itu menolong kaumnya dalam melakukan perkara yang batil (kezaliman)"*⁵⁵.

Penulis berpendapat, istilah kezaliman yang dinyatakan oleh Rasulullah dalam *al-hadith* ini membuktikan bahawa *'asabiyyah* yang mendorong manusia untuk melakukan kezaliman amat ditegah sama sekali. Kezaliman membawa maksud; meletakkan sesuatu urusan atau perkara yang tidak sesuai pada tempatnya.⁵⁶ Kezaliman juga diertikan sebagai

⁵⁵ al-Sajastānī Abū Dawwūd (t.1), *Sunan Abū Dawwūd*, jld 4. Qāherah: Maktabah al- Sa'ādah, hlm. 451.

⁵⁶ Abd.Basir Alias (2002) *Op.cit*, hlm. 183. Lihat juga Mahmud Saedon A Othman (Dr) (1998), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang & Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: DBP, hlm. 105.

suatu tindakan yang melampaui batas serta merangkumi segala jenis maksiat dan keburukan, sama ada terhadap diri sendiri ataupun orang lain.⁵⁷ Definisi ini umum bagi para cendekiawan Islam yang turut mengkategorikan istilah kezaliman kepada tiga bahagian berdasarkan kepada beberapa firman Allah yang termaktub dalam *al-Qur'ān*, antaranya ialah:

- i) Kezaliman manusia terhadap Allah (syirik terhadap Allah).

Firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا لَا تَتَّخِذُوْا بِاللّٰهِ اِلٰهًا مِّثْلَ مَا لَهُمْ اِلٰهٌ ۚ لَّيْسَ بِاِلٰهٍ مِّثْلُ ۚلّٰهِ ۚ سُبْحٰنَ ۚعِلٰهِ ۚ عَمَّا يُشْرِكُوْنَ ۚ (سُوْرَةُ اٰلِ اِمْرٰنٍ ۙ اٰيٰتُ ۙ ٢٠)

Wahai anakku, janganlah kamu mempersekutukan (syirik) Allah, sesungguhnya mempersekutukan Allah adalah merupakan kezaliman yang besar. Sūrah Luqmān, ayat 13.

- ii) Kezaliman manusia sesama manusia dan terhadap makhluk-makhluk Allah yang lain.

Firman Allah:

مَنْ عَمِلْ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ (صَلٰى) وَمِنْ اَسْءَاۤءِ فَعْلٰیهَا (كَلٰى) وَمَا رِيْكَ بِظِلَامٍ لِّلْعَبِيْدِ

Sesiapa yang mengerjakan amal kebaikan, maka pahalanya itu adalah bagi dirinya dan sesiapa yang melakukan kejahatan, maka dosanya adalah atas dirinya sendiri dan Tuhanmu tidak sekali-kali menzalimi hamba-hambanya. Sūrah Fusilat, ayat 46.

⁵⁷ Al-Mas'ūdī, Hafiz Hasan (t.t.), *Taisir al-Khallāq Fī 'ilm al-Akhlaq*. Qāherah: Maktabah Syekh Sālim bin Sa'ad Nibhān, hlm. 21.

iii) Kezaliman manusia terhadap diri mereka sendiri.

Firman Allah:

وَمَا ظَلَمْنَاهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ.

Dan Kami tidak berlaku zalim terhadap mereka, malah merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri. Sūrah al-Nahl, ayat 118.

Ketiga-tiga kategori kezaliman ini wajib ditegah. Namun penegahan dan pencegahannya tertakluk kepada pendekatan-pendekatan, kuasa serta autoriti para pendakwah yang bersesuaian dengan situasi setempat.

Gambaran kewujudan unsur '*asabiyyah*' amat jelas semasa berlakunya peristiwa pemulauan dan tekanan ekonomi kaum *Quraisy* ke atas Rasulullah dan kaum muslimin selepas kematian Abū Tālib. Sehubungan ini, *Banī Hāsyim* dan *Banī Abd al-Muttalib* bersepakat untuk bersama kaum Muslimīn demi mempertahankan Rasūlullah berasaskan kepada ledakan semangat kekeluargaan antara mereka dan bukannya atas dasar akidah Islamiyyah.⁵⁸ Peristiwa ini juga membuktikan '*asabiyyah*' pernah dijadikan mekanisme oleh Rasulullah dan para sahabat dalam usaha memartabatkan kalimah Tauhid "*Lā ilāh illa Allah, Muhammad Rasūlullah*" melalui beberapa pendekatan dan tahap dakwah yang bersesuaian pada masa itu.

⁵⁸ Al-Būtī, Mohammad Saīd Ramadhān (Dr) (1990), *Fiqh al-Sīrah*. Dimsyk: Dār al-Fikr, hlm. 120.

2.3 Pandangan Ibn Khaldūn – *'Asabiyyah* dari Sudut Ilmu Sosiologi.

Sosiologi merupakan satu disiplin yang mengkaji interaksi kemanusiaan. Ia meliputi segenap tajuk dalam pelbagai bidang. Pakar sosiologi amat prihatin terhadap konflik dan persefahaman, persaingan dan kerjasama, organisasi dan perpecahan, penyimpangan dan penyesuaian, penyusunan, proses interaksi kemanusiaan, corak pemerintahan, ekonomi, kelahiran, kematian, kekeluargaan, penghijrahan, pendidikan, perundangan, keadilan, agama, jenayah, rekreasi dan lain-lain perlakuan sesama manusia yang boleh digunakan bagi analisis sosiologi.⁵⁹

Bidang keilmuan ini telah diperkenalkan pada sekitar tahun 1377M oleh tokoh ilmuan Islam, Ibn Khaldūn. Meskipun begitu, sumber asal sosiologi moden yang menjadi rujukan masa kini adalah berasaskan kepada hasil penulisan ahli falsafah Perancis, Auguste Comte (1798-1857M). Sama ada pengabaian Ibn Khaldūn ini mencerminkan kecenderungan ahli sosiologi Barat kepada bangsanya sendiri atau sebaliknya merupakan satu persoalan yang belum dapat dipastikan. Namun apa yang pasti ialah sosiologi moden jahil tentang Islam dan dunia Islam.⁶⁰

Menurut Ibn Khaldūn, gandingan antara agama dan *'asabiyyah* dalam usaha mewujudkan sebuah negara yang teguh amat diperlukan pada peringkat permulaan bagi mewujudkan sesebuah negara. Umumnya, pandangan ini bersifat lebih liberal dari sudut

⁵⁹ I.R al-Fārūqī & A.O Naseef (1989). *Sains Sosial dan Sains Tulen Menurut Perspektif Islām*, Mohd Rafie Abd Malik (Terj) K Lumpur DBP, hlm 29.

⁶⁰ I.R al-Fārūqī & A.O Naseef (1989). Mohd Rafie Abd Malik (Terj). *Ibid*. hlm 32.

kemasyarakatan. Beliau juga beranggapan agama tidak akan sempurna tanpa *'asabiyyah*. Meskipun begitu, Ibn Khaldūn juga tidak menafikan kezaliman akan berlaku sekiranya unsur-unsur *'asabiyyah* mengatasi unsur agama. Ini kerana agama merupakan unsur yang dianggap lebih besar peranannya daripada *'asabiyyah* dalam pembentukan sesebuah negara.⁶¹ Justeru, keseimbangan antara kedua-dua unsur ini penting ke arah pembentukan sebuah negara yang mantap dari perspektif sistem pentadbiran politik.

Ketidakstabilan antara unsur agama dan unsur *'asabiyyah* ini dapat dilihat dalam sistem pemerintahan Kerajaan Banī Umaiyyah. Dr. Hasan Ibrāhīm Hasan mengatakan unsur *'asabiyyah* merupakan antara faktor utama kejatuhan kerajaan Bani Umaiyyah kecuali pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar bin Abd al-Azīz yang tidak membezakan antara golongan muslimin berbangsa Arab dan non-Arab. Unsur-unsur *'asabiyyah* yang keterlaluan ini turut menimbulkan penentangan hebat di kalangan rakyat terhadap kerajaan Banī Umaiyyah hingga tertubuhnya kerajaan Banī 'Abbāsiyyah.⁶²

Unsur-unsur *'asabiyyah* yang keterlaluan juga boleh mengakibatkan kekacauan dan penindasan berlaku sewenang-wenangnya. Di Afrika Selatan contohnya, dasar *apartheid* telah menimbulkan pelbagai diskriminasi kaum. *Apartheid* menyebabkan masyarakat kulit putih, hitam dan kaum pendatang India di Afrika Selatan dipecahkan mengikut komuniti masing-masing. Pemecahan ini turut melibatkan penggunaan kad pengenalan, bas, keretapi, gereja, restoran, hospital dan tanah perkuburan. Dalam masa yang sama, kaum kulit hitam

⁶¹ Ibn Khaldūn Abd al- Rahmān Abū Zaid Wali al-Dīn (1967), *Dirasāt an Mukadimmah Ibn Khaldūn*. Beirut : Turās al-Islām, hlm. 342.

⁶² Hasan Ibrāhīm Hasan (Dr) (1991), *Tārīkh al-Islām*, jld 1. Bayrūt: Dār al-Jail, hlm 273-279.

tidak akan bekerja di kawasan kaum kulit putih dan begitu juga sebaliknya.⁶³ Keadaan yang ketara ini sering membawa kepada rusuhan dan pertelingkahan kaum yang amat sukar untuk disatukan.

2.4 Perkembangan Awal Nasionalisme.

Nasionalisme atau Fahaman Kebangsaan yang akan diperkatakan disini ialah nasionalisme bentuk baru ataupun nasionalisme moden. Ia dikatakan wujud di Eropah Barat selepas keruntuhan empayar Romawi, iaitu Kesatuan Eropah yang diawasi dan dijaga oleh gereja pada abad-abad pertengahan.⁶⁴

Pada peringkat awal, kemunculan nasionalisme di Eropah Barat ditimbulkan oleh golongan intelek dan para penyair. Mereka membayangkan rasa harga diri dan segala kekurangan yang ada pada diri mereka melalui mata pena dan kertas. Kemudian disusuli pula dengan peringkat kedua yang diperjuangkan oleh golongan bawahan yang terdiri daripada kaum buruh. Dalam peringkat ini, nasionalisme tidak lagi diperjuangkan melalui pena dan kertas, malah melalui senjata dan pemberontakan. Cara nasionalisme yang keras dan mendesak ini menyebabkan kebanyakan negara-negara di Benua Asia, Afrika dan Amerika Latin ditakluki dan dijajahi oleh Britain, Perancis, Jerman, Belanda, Itali, Russia dan Jepun. Penjajahan berlaku setelah timbul desakan-desakan ekonomi dan sosial yang

⁶³ Sayid Mujtabā, Ruknī Mūsāwī Lārī terj F J Goulding (1977), *Western Civilisation Through Muslim Eyes..* Qūm: The Ministry of Islamic Guidance of Republic Islamic of Iran, hlm.41.

⁶⁴ Hang Tuah b. Arshad (1966), *Ilmu Politik*. Singapore: Donald Moore Press Ltd, hlm.37. Lihat juga Ali Abdul Halim Mahmud, Dr, terj. Mohsin M.R (1989), *Invasi Pemikiran*. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD, hlm.179.

mendorong fahaman nasionalisme untuk meluaskan empayar takluknya bagi mengambil segala faedah ekonomi daripada hasil bumi yang dijajah.⁶⁵

Dalam abad ke-20, nasionalisme yang merupakan hasil peninggalan sejarah badan-badan politik, faktor-faktor persekitaran, perkembangan ekonomi serta kebudayaan di Eropah dan Amerika Syarikat telah tersebar luas ke seluruh dunia dan menjadi pengungkit perubahan yang terbesar masa kini. Nasionalisme di Eropah Barat masa kini amat berbeza sekali jika dibandingkan pada masa awal kemunculannya yang penuh dengan peperangan dan penaklukan. Perkembangannya di Eropah juga boleh dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu:

- i) Nasionalisme integratif (*integrative nationalism*) atau nasionalisme yang bersatu padu yang bermula dari tahun 1815M hingga ke tahun 1871M.
- ii) Nasionalism disraptiv (*disruptive nationalism*) atau nasionalisme yang berpecah belah, bermula dari tahun 1871M hingga ke tahun 1890M.
- iii) Nasionalism agresif (*aggressive nationalism*) atau nasionalisme yang kuat menceroboh dan menakluki negara-negara lain, bermula dari tahun 1900M hingga ke tahun 1945M.
- iv) Nasionalism Kontemporari (*contemporary nationalism*) bermula dari tahun 1945 hingga ke hari ini.⁶⁶

Namun pembahagian ini hanya merupakan suatu fakta yang bersifat sementara sehingga timbulnya kekecohan dan pencerobohan Republik Serbia ke atas Bosnia

⁶⁵ Hang Tuah b. Arshad (1966) *Op.cit*, hlm. 38.

⁶⁶ Hang Tuah b. Arshad (1996) *Ibid*, hlm. 40.

Herzegovina. Penceroohan dan peperangan di rantau Balkan ini merupakan jenayah perang yang pertama kali berlaku di Eropah setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua.⁶⁷

2.5 Nasionalisme di Negara-Negara Timur Tengah.

Sejarah perkembangan ideologi nasionalisme di negara-negara Timur Tengah merupakan satu memori penting yang mempunyai hubungkait dengan kehidupan umat Islam di seluruh dunia masa kini.

Ideologi ini mulai berkembang pesat ke seluruh negara Arab seperti Syria dan Mesir pada akhir kurun-19M. Pada awalnya, ia hanya merupakan satu pergerakan secara rahsia dalam bentuk kesatuan-kesatuan bangsa Arab yang wujud semenjak zaman pemerintahan kerajaan 'Uthmāniyyah Turki. Proses perkembangan ini merupakan susulan ideologi yang telah lama bertapak di Eropah. Pada tahun 1912M, pergerakan ini mulai berperanan sebagai sebuah badan politik yang memperjuangkan nasib bangsa Arab atas dasar darah keturunan, bahasa dan sejarah latar belakang Arab.⁶⁸ Akibat logis robohnya pemerintahan *khilāfah*, timbul semangat nasionalisme di Dunia Islam. Malah dalam waktu yang singkat, muncul pula pemerintahan dan parti-parti yang berasaskan nasionalisme Arab. Antaranya ialah Nasionalisme Syria, Nasionalisme Kurdi, Nasionalisme Fir'aūnisme dan sebagainya. Dalam tahun lima puluhan, telah diadakan satu pertemuan antara para penganjur nasionalisme Arab di Beirut. Pertemuan ini bertujuan menyusun fahaman tersebut dengan meletakkan pemikiran sosialis Marxis sebagai ideologi

⁶⁷ <http://www.nes1.edu/center/balkan1.htm>. Disemak pada 2hb Jun 2002.

⁶⁸ *Al-Mawṣū'ah al-Masīrah Fī al-Adyān wa al-Madhihib al-Mu'asirah* (1409 H), Riyād: WAMY, hlm.399.

bagi gerakan nasionalisme Arab secara umum.⁶⁹Berasaskan kepada peristiwa ini, ramai dikalangan umat Islam yang menyempitkan skop definisi 'asabiyyah dan nasionalisme sebagai dua elemen yang sama maksudnya dalam segenap aspek. Dalam kongres Arab pertama yang dilangsungkan di Paris pada tahun 1913M, pengerusi kongres tersebut 'Abd al- Hamīd al-Zahrawī mengatakan :

“Sebenarnya ikatan agama selalunya tidak berhasil mewujudkan persatuan politik. Saya tidak perlu kembali mengungkap sejarah untuk membuktikan hal ini, kiranya cukup jelas apa yang terlihat dewasa ini. Lihatlah kepada dua pemerintahan (Islam) 'Uthmānī dan Farsi, bagaimana ikatan agama keduanya tidak berhasil memecahkan perselisihan perbatasannya yang sederhana sekalipun”.⁷⁰

Susulan kejatuhan kerajaan 'Uthmāniyyah juga, bumi Palestin telah dijajah oleh pihak Inggeris yang kemudiannya menyerahkan Palestin kepada Yahudi Zionis pada akhir tahun 1948M. Dalam resolusi 1975M, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengecam Zionisme sebagai fahaman perkauman telah dimansuhkan. Disusuli dalam Perhimpunan Agung PBB pada 16 Disember 1991M, sebanyak 111 buah negara berganding bahu memansuhkannya. Sementara 25 buah negara yang lain membantah termasuk Malaysia. Manakala 13 buah negara bersikap berkecuali.⁷¹ Namun dalam perkembangan politik antarabangsa masa kini, Malaysia telah mengambil sikap mengecam kekejaman rejim Zionis atas dasar perikemanusiaan yang masih belum menemui titik penyelesaiannya sehingga kini. Penentangan terhadap kezaliman Yahudi bukan sahaja berlaku di Palestin, malah turut dipelopori oleh gerakan *Hizb Allah* yang diasaskan oleh

⁶⁹ Fathī Yakān, (1988), *Islam di Tengah Persekongkolan Musuh Abad-20*. Erfan Hj.M.Ghani (Terj), Selangor: Thinker's Library Sdn.Bhd, hlm.55-56.

⁷⁰ Fathī Yakān (1988), Erfan Hj.M.Ghani (Terj) .*Ibid*, hlm.58.

⁷¹ *Majalah Dunia Islam* (Mac.1992).

Husain Musāwī pada tahun 1983M di Selatan Lubnān.⁷² Gerakan ini mendapat sokongan spiritual dan material dari negara Iran.

Perkembangan nasionalisme di Timur Tengah juga merupakan satu langkah permulaan penyebaran ideologi ini di Malaysia. Proses ini berlaku melalui para penuntut Malaysia beraliran agama di Timur Tengah terutamanya di Mesir sebagaimana yang akan dinyatakan berikutnya.

2.6 Perkembangan Nasionalisme di Malaysia

Menyentuh tentang kebangkitan nasionalisme di Malaysia, ramai dikalangan para sarjana bertelingkah pendapat bilakah ia bermula. Perselisihan ini telah menimbulkan dua pendapat yang berbeza tentang tarikh kelahiran nasionalisme di Malaysia, iaitu :

- i) Nasionalisme muncul dalam masyarakat Melayu di Malaysia pada sekitar tahun 1906M yang telah dipelopori oleh kaum muda dalam masalah yang berkaitan dengan hukum-hukum fiqh.
- ii) Nasionalisme lahir antara tahun-tahun 1946M – 1948M yang kemudiannya berkembang sehingga mencapai kemerdekaan tanahair pada tahun 1957M.

Dalam membahaskan tentang nasionalisme di Malaysia, adalah wajar diperjelaskan juga latarbelakang ringkas perjuangan nasionalisme Melayu

⁷² *Time Europe* (21 Jun 1982).

berdasarkan kepada kedua-dua pendapat di atas. Pendapat ini terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu:

- i) Peringkat keagamaan yang bermula dari sekitar tahun 1906M.
- ii) Peringkat sosial dan ekonomi yang muncul sekitar tahun 1926M.
- iii) Peringkat politik dan kepartian yang muncul sekitar tahun 1937M⁷³ hingga kini.

2.6.1. Keagamaan

Pertumbuhan nasionalisme Melayu yang berunsur agama ini dipelopori oleh para lepasan penuntut Malaya di Mesir. Mereka mendapat inspirasi daripada gerakan PAN-ISLAMISME dan gerakan Islam moden yang diasaskan oleh *mujaddid* besar Islam, Sayyid Jamāl al-Dīn al-Afghānī dan Imām Syekh Muhammad 'Abduh. Hasil jalinan persahabatan antara penuntut-penuntut Malaya dan Indonesia, mereka telah menubuhkan Perkumpulan Pemuda Indonesia-Malaya (PERPINDOM). Penubuhan ini dibuat dengan harapan agar dapat diwujudkan sebuah negara Indonesia-Malaya yang merdeka, berdaulat dan bersatu.⁷⁴ Sekembali ke tanahair, mereka berusaha menyebarkan ajaran Syekh Muhammad 'Abduh kepada segenap lapisan masyarakat Melayu.

Pada awalnya, golongan ini hanya mendirikan sekolah-sekolah agama.⁷⁵ Kemudian diikuti pula dengan beberapa penerbitan majalah dan akhbar seperti *al-Imām*, Akhbar Neraca, Warta Malaya, *al-Ikhwān*, Saudara dan lain-lain. Namun pergerakan

⁷³ Amat Johari Moian (1969), *Sejarah Nasionalisme Maphilindo*. K.Lumpur: Utusan Melayu, hlm.171.

⁷⁴ Amat Johari Moian (1969) *Ibid*, hlm. 161.

⁷⁵ Amat Johari Moian.(1969). *Ibid*, hlm. 162.

mereka mendapat tentangan hebat daripada golongan ulama tradisional ekoran wujudnya pertentangan dalam beberapa masalah furu' dikalangan mereka seperti riba, *khilāfiah* pengamalan *talqīn*, bidang kekuasaan lunas-lunas agama dan sebagainya. Antaranya ialah:

i) Peranan akal dalam memahami ajaran Islam.

Menurut kaum tua, peranan akal amat terbatas sekali dan tidak mampu menguasai segala ilmu pengetahuan yang tersurat dan tersirat dalam *al-Qur'ān* dan *al-sunnah*. Ia terbatas kepada kefahaman tentang segala amalan yang telah ditetapkan oleh Mazhab Empat yang dianggap mutlak serta sesuai dengan setiap masa dan situasi tanpa mengambil kira faktor perbezaan setempat. Keadaan ini adalah sebaliknya bagi kaum muda yang menggalakkan penggunaan akal terutama sekali dalam memahami isi kandungan *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*. Meskipun begitu, peranan akal hendaklah disokong dengan *nas al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*.⁷⁶

ii) *Ijtihād* dan *taqlīd*.

Kaum tua menganggap pintu *ijtihād* telah tertutup dan sebarang usaha membukanya merupakan suatu tindakan yang salah dan tidak bermoral. Budaya *taqlīd* dan fanatik dengan sesuatu mazhab merupakan faktor utama timbulnya isu kafir mengkafir di kalangan mereka⁷⁷.

⁷⁶ Rahimi Affandi bin Abd.Rahim (Dr) (2000), *Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah*. K Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm 28.

⁷⁷ Rahimi Affandi bin Abd.Rahim (Dr) (2000). *Ibid*, hlm 29.

Manakala bagi kaum muda, pintu *ijtihad* sentiasa terbuka serta memerlukan pengawasan syarak.⁷⁸

iii) Pandangan dan kritikan terhadap kitab fiqh klasik.

Bagi kaum tua, penilaian semula terhadap hasil karya ulama silam bermakna tidak menghormati dan menjatuhkan maruah mereka. Keadaan adalah sebaliknya bagi golongan muda yang menganggap segala fatwa ulamak silam sebagai mekanisme dalam usaha menghasilkan fatwa baru.⁷⁹ Pergerakan ini dikatakan menjadi semakin pudar pada akhir tahun dua puluhan dengan kemunculan golongan nasionalisme Melayu yang berpendidikan Inggeris dan Melayu.

2.6.2 Sosial dan Ekonomi.

Peringkat ini dipelopori oleh dua golongan iaitu golongan lepasan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan para penuntut Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim.⁸⁰ Golongan ini berjiwa aristokrat dan amat konservatif dalam menilai gerakan politik. Mereka bersikap lembut dengan pemerintah Inggeris. Adakalanya mereka mengkritik pihak Inggeris terutamanya dalam masalah yang dianggap merugikan orang-orang Melayu seperti kemasukan orang-orang asing dari negeri Cina dan India ke Tanah

⁷⁸ Rahimi Affandi bin Abd. Rahim (Dr.) *Op.cit*, hlm.30.

⁷⁹ Rahimi Affandi bin Abd. Rahim (Dr.) *Ibid*, hlm.31-32.

⁸⁰ Amat Johari Moain (1969) *Op.Cit*, hlm.170.

Melayu tanpa sebarang had.⁸¹ Golongan kedua pula terdiri daripada kalangan para penuntut ataupun guru pelatih di Maktab Perguruan Melayu Tanjung Malim yang ditubuhkan pada tahun 1922M. Mereka mengaitkan diri mereka dengan agama Islam tetapi hubungan mereka lebih bersifat kebangsaan daripada bersifat keagamaan.⁸²

Pada awalnya, mereka hanya menumpukan kepada pelajaran sahaja. Namun lama-kelamaan, perhatian mereka mulai cenderung ke arah bidang politik. Dalam tahun 1929M hingga 1930M, dua buah persatuan berunsur politik telah ditubuhkan di Maktab Perguruan ini, iaitu Ikatan Semenanjung Borneo dan Ikatan Pemuda Pelajar.⁸³

2.6.3 Politik dan Kepartian

Pada akhir tahun tiga puluhan, gerakan kebangsaan mulai menuju ke dalam bidang politik yang disusuli dengan penubuhan “Persaudaraan Sahabat Pena”. Pada tahun 1937M, Ibrahim Yaakub yang berasal dari Temerloh, Pahang telah menubuhkan Kesatuan Muda Melayu (KMM) di Kuala Lumpur. Ia bertujuan untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu dan penyatuan dengan Indonesia.

⁸¹ Amat Johari Moain (1969) *Op.cit*, hlm. 172.

⁸² William Roff (1975) *Nasionalisme Melayu* K. Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm x.

⁸³ Amat Johari Moain (1969) *Op.cit*, hlm. 176-177.

Walau bagaimanapun pertubuhan KMM ini akhirnya diharamkan oleh pihak tentera Jepun pada bulan Jun 1943M.⁸⁴ Dalam pada itu, perjuangan nasionalisme Melayu telah menghadapi dilema yang hebat di antara tahun 1930M dan 1948M. Masalah-masalah yang timbul tertumpu kepada soal-soal orientasi kepimpinan, pendekatan kepimpinan dan ideologi. Lantaran ini, para nasionalis telah cuba mengalih pandangan mereka ke Indonesia sebagai panduan dalam memenuhi cita-cita politik mereka.⁸⁵ Antara tokoh-tokoh pejuang nasionalis yang menyerlah pada zaman itu ialah Abdul Kadir Adabi bin Ahmad, Asaad Shukri bin Hj.Muda, Nik Mahmud bin Hj.Abdul Majid dan lain-lain.⁸⁶

Sementara itu, pendapat kedua merupakan pandangan Wang Gu Wu, James P.Ongkili dan Abdul Rahman bin Ismail yang mengatakan nasionalisme Melayu lahir antara tahun 1946-1948M lalu berkembang hingga mencapai kemerdekaan pada tahun 1957M. Fakta ini berasaskan kepada perjuangan parti-parti politik pada ketika itu yang berusaha menegakkan bahasa sebagai unsur penting dalam pembinaan negara.⁸⁷

Antara isu-isu yang turut dipertikaikan ialah hak kerakyatan dan bahasa rasmi melalui prinsip Jus Soli seperti yang pernah diperkenalkan oleh pihak British. Keduanya merupakan suatu cabaran dari segi perkembangan faham kebangsaan Melayu.

⁸⁴ N.Mohammad b.N.Mohd.Salleh (1987), *Pendudukan dan Pentadbiran Tentera Jepun dan Tentera Thai di Negeri Kelantan 1941-1945*. Kota Bharu : Warisan Kelantan IV, Perbadanan Muzium Neg Kelantan, hlm. 92.

⁸⁵ Alias Mohammad (1982), *Wasiat Nasionalisme Melayu*. K.Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd, hlm.118.

⁸⁶ Mohd.Zain Salleh (1987), *Menjelang Setengah Abad Politik Kelantan*. K.Lumpur: Ampang Press Sdn.Bhd hlm.5.

⁸⁷ Mohd. Fuad Sakdan (1997), *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. K.Lumpur: DBP, hlm.109.

Sebahagian besar daripada masyarakat bukan Melayu menentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Selepas 10 tahun, bahasa Inggeris telah dikaji semula oleh Parlimen sebagai suatu langkah persediaan untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pada tahun 1967M.⁸⁸

Semenjak tahun 1966M, warganegara Tanah Melayu berketurunan Cina telah mengadakan kempen mengutip tandatangan, menuntut agar bahasa Cina dijadikan salah satu bahasa rasmi Tanah Melayu. Hal ini juga merupakan faktor penghalang ke arah pembentukan bahasa rasmi pada tahun 1967M. Pada masa yang sama, ia juga memberi implikasi negatif terhadap faham kebangsaan Melayu. Nilai penggunaan bahasa Melayu semakin menurun. Malah pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang bertujuan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama semakin diabaikan.⁸⁹ Masalah bahasa, aliran pelajaran Melayu dan beberapa perkara lain menjadi isu hangat diperbincangkan serta menegangkan suasana politik Tanah Melayu. Keadaan ini akhirnya membawa kepada tercetus Trajedi 13 Mei 1969M.

Kesimpulannya, terdapat dua pandangan tentang kemunculan nasionalisme di Malaysia. Pergerakan nasionalisme peringkat awal di kalangan masyarakat Melayu lebih berkisarkan kepada perselisihan dan pertelingkahan antara kaum muda dan kaum tua. Ia melibatkan persoalan *taqlid* dan *ijtihad* dari sudut *fiqh* dan *usul*nya. Pada zahirnya, gerakan kaum muda dikatakan telah lenyap. Namun kemunculan gerakan nasionalisme yang

⁸⁸ *Menuju ke Arah Kemerdekaan* (1955). K.Lumpur: Alliance National Council, hlm. 38.

⁸⁹ Lim Teck Gee and Vincent Lowe (1976), *Toward A Modern Asia : Aims, Resources and strategies*. K. Lumpur: Heimann, hlm. 145-146.

dipelopori oleh golongan lepasan pendidikan Inggeris dan Melayu telah dijadikan *platform* baru setelah kaedah pertama mereka gagal. Meskipun begitu, peranan golongan berpendidikan sekular lebih menonjol dalam arena politik jika dibandingkan dengan golongan ulamak.

Kegagalan pertama memberi pengajaran kepada mereka bahawa pengaruh dan kuasa politik adalah meliputi segala-segalanya dalam kehidupan manusia. Manakala pandangan kedua tentang kemunculan nasionalisme Melayu hanyalah berdasarkan kepada fakta-fakta politik orang-orang Melayu yang inginkan kemerdekaan daripada pihak Inggeris. Di samping itu, penyempitan skop hanya berlaku ke atas fakta-fakta politik, parti-parti politik dan kemerdekaan tanahair sahaja tanpa melibatkan faktor-faktor keagamaan sebagai teras perjuangan.

2.7 Teori Beberapa Orang Tokoh Pemikir Islam Tentang Nasionalisme

Dalam membahaskan tentang nasionalisme, beberapa teori pemikiran tokoh-tokoh intelektual Islam seperti Muhammad Iqbal, Professor Isma'il al-Fārūqī dan al-Syahīd Hasan al-Banna turut dinyatakan. Pemilihan para tokoh pemikir ini adalah berasaskan kepada keauthoritarian dan latarbelakang mereka dalam bidang yang diceburi.

2.7.1 Pandangan Iqbāl dan al-Fārūqī Tentang Semangat Cintakan Tanah Air.

Menurut The Oxford Large Dictionary, nasionalisme dimaksudkan sebagai perasaan patriotik cintakan tanahair ataupun satu gerakan yang berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan bagi sesebuah negeri yang dikuasai oleh negeri lain.⁹⁰

Sikap cintakan tanahair serta keinginan untuk membebaskan tanahair daripada belenggu penjajah juga merupakan salah satu tuntutan Islam ke atas umatnya.⁹¹ Menurut Professor Ismāil al-Fārūqī, berbakti kepada bangsa dan berkhidmat kepada negara merupakan suatu kewajipan menurut undang-undang Islam. Pengabaian atau pengkhianatan terhadap tanggungjawab tersebut dianggap sebagai kesalahan yang membawa hukuman *duniāwī* dan *ukhrāwī*.⁹² Selain itu, Muhammad Iqbāl juga mempunyai pandangan yang positif terhadap patriotisme. Beliau mengatakan:

“Patriotisme merupakan suatu kebajikan yang benar-benar fitri (selaras dengan fitrah manusia) dan mempunyai tempat dalam kehidupan moral manusia. Namun yang merupakan kepentingan sebenarnya adalah keyakinan manusia, kebudayaannya dan tradisinya. Inilah hal-hal yang merupakan makna yang seharusnya dibawa hidup dan mati, bukan sejengkal tanah di mana jiwa manusia kebetulan dihubungkan untuk sementara waktu”⁹³

⁹⁰ Joyce M.Hawkins (1988), *The Oxford Large Print Dictionary*. Great Britain: Oxford University Press, hlm. 542.

⁹¹ al-Banna Hasan (1987), *al-Uṣūl al-Isyirīn*, Alias Osman (Terj). K. Lumpur: Pustaka Salām, hlm. 10.

⁹² Siddiq Fadhl (Dr.) (1992), *Minda Melayu Baru*. K.Lumpur: Institut Kajian Dasar, hlm 93.

⁹³ Siddiq Fadhl (Dr.) *Ibid*, hlm. 93-94.

Namun al-Fārūqī dan Muhammad Iqbāl tetap menolak nasionalisme. Keberatan al-Fārūqī terhadap nasionalisme berasaskan tanggapan bahawa nasionalisme merupakan sejenis *ethnocentrism* yang kemudiannya dapat melahirkan *racism* yang angkuh. Manakala Iqbāl pula menolak nasionalisme sebagaimana yang difahami di Eropah iaitu nasionalisme yang mengandungi kuman-kuman *materialisme atristik* yang mengancam kemanusiaan⁹⁴.

Schubungan ini juga, kewajiban mempertahankan tanah air sering kali dikaitkan dengan kewajiban berjihad. Jihad dari sudut bahasa membawa maksud mencurahkan kemampuan serta menanggung kesusahan. Manakala dari sudut istilah syarak pula, jihad bermaksud; curahan tenaga individu muslim serta sanggup menanggung kesusahan dalam menegakkan agama Islam demi mendapat keredaan Allah.⁹⁵

Dalam permasalahan ini, Syawqī Abū Khalīl berpendapat, Allah Taālā tidak memfardhukan jihad bagi memaksa manusia memeluk agama Islam. Ini kerana paksaan tidak mengasaskan akidah Islamiyyah. Islam hanya mewajibkan dakwah. Jihad bagi beliau hanyalah melalui peperangan dengan cara mengangkat senjata.⁹⁶ Namun, pendapat ini hanya merupakan suatu pandangan yang agak sempit dan amat sukar untuk diterima oleh umat Islam masa kini. Justeru, skop pengertiannya tidak seharusnya di fokuskan kepada kekerasan dan peperangan sahaja tanpa merujuk terlebih dahulu kepada keadaan serta situasi yang sedang berlaku dalam sesebuah negara.

⁹⁴ Siddiq Fadhil (Dr.) (1992). *Ibid*, hlm 93-94.

⁹⁵ Abd al-Karīm Zaydān (Dr.)(1992), *Usūl al-D'awah*, Ed.6. Baghdād: Maktabah al-Quds Dār al-Wafā', hlm. 272.

2.7.2 Sikap al-Syahīd Hasan al-Banna Terhadap Nasionalisme

Terdapat di kalangan umat Islam yang mengambil sikap meminggirkan golongan nasionalis dengan mengemukakan pelbagai alasan. Antaranya ialah;

- i) Nasionalisme merupakan satu ideologi yang bertujuan memecah belahkan umat Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan.
- ii) Nasionalisme merupakan seruan untuk kembali ke zaman *jāhiliyyah* dengan mengamal segala tradisi lama, samada tradisi itu selaras ataupun bertentangan dengan ajaran Islam.
- iii) Seruan perkauman nasionalisme mendorong masyarakat ke arah kehidupan yang hanya memartabatkan ideologi bangsa semata-mata dengan mengeneipkan segala perundangan yang telah ditetapkan di dalam *al-Qur'ān*.⁹⁷

Sehubungan ini, al-Syahīd Hasan al-Banna telah mendidik para pendakwah dengan sikap pertengahan dalam menghadapi fahaman ini. Menurut beliau, perkataan *Qawmiyyah* ini mengandungi pelbagai maksud dan pengertian yang salah dari segi syariat. Justeru, adalah wajib bagi umat Islam meninggalkan perkataan ini dengan tidak memperjuangkannya.⁹⁸

⁹⁶ Syawqī Abū Khalīl (1986), *Al-Islām Fī Qaṣas al-Ithām* Dimsyk: Dār-Fikr, hlm. 103.

⁹⁷ al-Zibāq Muhammad Syarīf, 'Alī Muhammad Juraisy, Dr, (t.t), *Asālib al-Ghaz'wi al-fikr li al-'ālamī Islāmi*. Qāherah: Dār-al-'Itisām, hlm 81,83

⁹⁸ al-Banna Hasan (1987), *Op.C'it*. Alias Osman (Terj), hlm. 73.

Meskipun begitu, al-Banna tidak menentang para penganjur fahaman ini dengan menolaknya secara mutlak. Beliau menerima *qawmiyyah al-majid* iaitu sikap menghargai dan meneladani prestasi cemerlang generasi silam dan *qawmiyyah al-ummah* iaitu sikap mengutamakan khidmat bakti kepada kerabat dan ummat. Pada masa yang sama beliau menolak *qawmiyyah al-jāhiliyyah* iaitu nasionalisme yang berusaha menghidupkan semula budaya jahiliyyah dan ingin melepaskan diri daripada ikatan Islam dan juga *qawmiyyah al-'udwān*; iaitu nasionalisme yang berintikan kesombongan diri sehingga membawa kepada pencabulan terhadap hak-hak bangsa lain.⁹⁹

Islam menganjurkan penyatuan ummah. Kewujudan titik perbezaan antara Islam dan ideologi-ideologi lain tidak wajar dijadikan alasan yang boleh mendorong umat Islam ke arah perpecahan dalam hidup bermasyarakat. Al-Syahīd Hasan al-Banna merupakan tokoh ilmuwan Islam yang terkenal dengan *istiqāmah* dan sikap tolak ansurnya. Meskipun titik pemisah antara Islam dan nasionalisme terletak di atas dasar akidah Islam, namun dalam usaha menjaga keharmonian hidup bermasyarakat, titik persamaan antara ideologi-ideologi tersebut dengan Islam sentiasa dicari tanpa menolak kesemuanya secara total.

2.8 Peranan Nasionalisme dalam Sesebuah Negara

Selain usaha-usaha memperkukuhkan kedudukan ekonomi, para nasionalis juga turut peka tentang kedudukan bahasa, bendera, tugu dan lagu kebangsaan sebagaimana yang akan dijelaskan selanjutnya.

⁹⁹ Siddiq Fadhl (Dr.) (1992). *Op. Cit.*, hlm. 95.

2.8.1 Kedudukan Bahasa

Bahasa memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi dalam kehidupan setiap makhluk ciptaan Allah khususnya manusia yang dijadikan dalam keadaan berbilang bangsa. Setiap bangsa memiliki bahasa pertuturannya yang tersendiri.

Firman Allah:

ومن آياته خلق السموات والأرض واختلاف ألسنتكم واللغات (ج) أن في ذلك لآية للعالمين

“Dan antara tanda-tanda kekuasaan Allah, Dia menciptakan langit dan bumi, perbezaan bahasa pertuturan dan warna kulit kamu. Sesungguhnya dalam hal sedemikian itu menjadi keterangan bagi orang yang mengetahui” Sūrah al-Rūm. ayat 22.

Dalam petikan kitab *Hadīqah al-Azhār* hasil tulisan tangan Syeikh Ahmad al-Fāthānī dinyatakan ;

“Dan adalah ilmu ini (ilmu bahasa, pen:) sangat besar manfaatnya. Kerana bahawasa, seseorang apabila ia mengetahui dengan beberapa loghat yang lain daripada dirinya, nescaya mudahlah bagi mu’āmalāt, musāhabah dengan sekalian bangsa itu dan tidak memudah-mudah mereka itu dengan dia dan memadailah pada kemuliaannya, bahawasanya jikalau tiada dengan mengetahui loghat nescaya tiada berhamburan agama Islam pada lain daripada bangsa ‘Arab. Dan tiada diketahui makna al-Quran, al-Hadith dan ahkām daripada segala kitab. Maka sayugianyalah bagi tiap-tiap orang yang muda-muda bahawa ia belajar bahasa orang hingga ia mahir padanya. Istimewa anak-anak raja, orang besar-orang besar dan sekalian saudagar maka mereka itu lebih berhajat kepada demikian itu. Dan terciata-cita di dalam hati hamba adalah setengah orang yang petah-petah daripada ahli Melayu ia menta’lif (mengarang) pada mendabitkan loghat Melayu supaya ia terpelihara daripada tahrīf (perubahan) dan tabdīl (bertukar-tukar) dengan sebab berlamaan bahasa dan dengan sebab bercampur dengan beberapa bahasa yang lain. Dan bahawa ia menterjemah kepada bahasa Melayu akan setengah-setengah daripada

kitab loghat Arab supaya mudah bagi tiap-tiap talib (pelajar)
oleh kehendaknya”¹⁰⁰

Selain daripada kedudukan bangsa dan tanahair, bahasa dianggap sebagai satu agenda penting dalam perjuangan nasionalisme. Namun demikian, agenda ini juga turut menimbulkan suatu masalah yang pernah dihadapi oleh negara berbilang bangsa seperti Malaysia, iaitu masalah untuk menentukan bahasa apakah yang patut digunakan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Masalah ini bukan sahaja merupakan masalah ideologi yang berkaitan dengan soal nasionalisme, perpaduan bangsa dan jati diri negara tetapi juga masalah pragmatisme, iaitu masalah fungsi bahasa sebagai alat pembangunan negara. Bagi menyelesaikan masalah ini, Malaysia memilih Bahasa Melayu untuk menggantikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi negara selepas kemerdekaan pada tahun 1957.¹⁰¹

Meskipun begitu, masalah Bahasa Melayu tetap dianggap sebagai suatu agenda yang tidak pernah menemui titik penyelesaian. Bahasa Melayu baku yang diperkenalkan 10 tahun lalu dimansuhkan setelah didapati banyak pihak yang merasa sangsi dengan keberkesanan dan kewajarannya. Ada yang berasa lucu bila mendengar pengacara T.V menyebut sebutan-sebutan baku. Malah tidak kurang juga yang terkeliru dengan sebutan-sebutan tersebut. Justeru, bahasa rojak kembali digunapakai menerusi media massa. Menurut Dr. Awang Sariyan, Bahasa Melayu rojak memang wujud baik dalam pertuturan harian dan media massa, malah dalam mesyuarat rasmi. Penggunaan bahasa rojak mungkin

¹⁰⁰ Wan Mohd Shaghīr bin Abdullah (1992), *Syeikh Ahmad al-Fāthāni Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu*, jld. 1 K. Lumpur: Khazanah Fāthāniyah, hlm 59.

¹⁰¹ *Bangsa Melayu Dalam Pembangunan* (1997). Bangi : Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM dan Forum Kebangsaan Malaysia, hlm 63.

disebabkan oleh penuturnya yang gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik atau sememangnya mereka lebih senang untuk bertutur dalam keadaan demikian.¹⁰²

Dalam perkara 152 Perlembagaan Malaysia, dinyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu.¹⁰³ Perkara 153(1) pula menyatakan, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab melindungi kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain. Pengertian Melayu dalam perlembagaan Malaysia ialah menggunakan Bahasa Melayu, mengamalkan adat resam Melayu serta beragama Islam.¹⁰⁴

Peminggiran bahasa ibunda dengan memartabatkan bahasa penjajah sebagai bahasa rasmi merupakan suatu kerugian dari sudut perkembangan budaya sesebuah bangsa dan negara. Ini kerana “Bahasa itu sendiri menunjukkan identiti Bangsa”. Meskipun begitu, penguasaan ke atas kepelbagaian bahasa lebih perlu dititikberatkan bagi meningkatkan mutu serta taraf umat Islam dari sudut penguasaan ilmu pengetahuan dan penyebaran dakwah Islam sebagai mana yang dijelaskan oleh Syeikh Ahmad al-Fāthānī dalam kitab *Hadīqah al- Azhār*.

2.8.2 Menghormati Bendera

Bendera merupakan lambang keagungan dan kemegahan bagi sesebuah negara. Ia juga digunakan dalam peperangan sebagai satu tanda perkumpulan sesuatu kaum ataupun

¹⁰² Akhbar *Eksklusif*, (14-20 Februari, 2000).

¹⁰³ Ahmad Mohamed Ibrahim Ahilemah Jones (1986) *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*. K.Lumpur: DBP, hlm.199.

¹⁰⁴ *Malaysia- Krisis dan Cabaran Masa Kini* (1987) Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm.118.

bangsa. Dalam majlis-majlis keramaian seperti perkahwinan dan perayaan, bendera dikibarkan di tempat-tempat yang tinggi sama ada di rumah atau di tempat kerja. Bagi menghormati kematian orang-orang kenamaan, bendera biasanya dikibarkan separuh tiang. Bendera juga dikibarkan ketika menyambut Hari Kemerdekaan tanahair sebagai lambang kemegahan dan penyatuan pelbagai rumpun bangsa di bawah satu bendera.

2.8.3 Lagu Kebangsaan dan Nyanyian Patriotik

Lagu kebangsaan biasanya disenandungkan untuk mengangkat taraf sesuatu kaum atau bangsa dalam setiap situasi samada situasi peperangan, perdamaian dan juga majlis keramaian.¹⁰⁵ Dalam melahirkan rasa cinta terhadap tanahair, ramai di kalangan para ahli seni, penyair dan ahli filosof yang telah menyumbangkan idea masing-masing dalam mengubah lagu-lagu, syair-syair serta sajak-sajak yang bertemakan semangat cintakan tanahair. Lagu-lagu ini seperti lagu Kebangsaan Malaysia, Bahtera Merdeka, Kerana Mu Malaysia dan sebagainya. Menurut al-Imām al-Ghazālī, hukum nyanyian bertemakan peperangan, cintakan tanahair dan keindahan adalah *mubāh* (harus) selama mana tidak terdapat sebarang sebab yang mengharamkannya ataupun yang boleh menyebabkan kelalaian.¹⁰⁶

2.8.4 Pembinaan Patung dan Tugu Kebangsaan

¹⁰⁵ A. Hassan (1972), *Islam dan Kebangsaan*. Bangil: Penerbitan Percetakan Persatuan, hlm 55-58.

¹⁰⁶ Al- Imām al-Ghazālī (1981), *Ajaran-ajaran Akhlāq*, Hussein Bahreisj (Terj). Surabaya : Penerbitan al-Ikhlas, hlm.72.

Memartabatkan bahasa, bendera, dan lagu kebangsaan sebagai tanda cinta kepada bangsa dan negara merupakan suatu keharusan mengikut hukum syarak selagi tidak bercanggah dengan tuntutan syarak. Namun, dalam masalah pembinaan tugu kebangsaan, ia kerap kali menimbulkan perselisihan pendapat dikalangan umat Islam. Dalam persoalan ini, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohammad telah menimbulkan suatu tanda tanya dalam Ucapan Dasar Perhimpunan Agung UMNO 1997:

“Apakah dengan ini umat Islam sudah tidak menurut hukum Islam berkenaan ukiran dan lukisan manusia dan binatang ? Dalam hal ini kita perlu merujuk semula kepada sebab larangan itu dibuat. Sebabnya ialah bagi menghalang Arab Jāhiliyyah yang memeluk Islam kembali menyembah berhala, gambar lukisan dan sebagainya seperti yang telah mereka lakukan dahulu. Kita tahu membezakan antara Tuhan yang kita sembah, iaitu Allah Subhānahu wa Ta’āla dengan ukiran atau gambar yang tidak kita samakan dengan Tuhan dan tidak kita sembah. Kita juga tidak melanggar maksud dan tujuan larangan terhadap ukiran dan lukisan Tuhan atau Nabi. Dengan itu kita tidak melanggar maksud dan tujuan larangan terhadap ukiran dan lukisan gambar manusia dan binatang”
107

Pembinaan tugu-tugu tersebut merupakan suatu pembaziran meskipun ia tidak dibangunkan untuk disembah dan dipuja. Pembaziran merupakan suatu amalan yang dilarang dalam Islam. Larangan itu bukan sahaja pada zaman ekonomi negara mengalami tekanan, bahkan semasa ekonomi sedang mewah berkembang.¹⁰⁸ Hukum ukiran, lukisan binatang dan manusia telah dibincangkan secara meluas. Terdapat perbezaan antara mereka tentang beberapa hukum berdasarkan perbezaan fahaman terhadap *nas hadith* yang ada. Terdapat juga ulama semasa yang menganggap photograph tidak termasuk di dalam lukisan

¹⁰⁷ Abdullah Zaidi Hassan (1988), *Pandanganbalas Terhadap Pendapat Dr.Mahathir Muhammad Beserta Beberapa Apendik*. Kota Bharu: Keluaran Sidrah, hlm 4.

¹⁰⁸ Abdullah Zaidi Hassan (1988). *Ibid*, hlm 35-36.

kerana ia lebih merupakan bayang-bayang cahaya matahari. Namun apabila timbul keperluan kepada gambar termasuklah lukisan bagi tujuan mengajar, memberi penerangan atau sebagainya yang tidak bertentangan dengan syarak, maka kebanyakan ulamak membolehkannya.¹⁰⁹

Kesimpulannya, definisi nasionalisme berbeza mengikut fahaman dan pemikiran individual dalam sesebuah masyarakat yang berlainan keturunan, adat dan budaya berasaskan situasi semasa dan perubahan zaman. Dalam konteks pengenalan, nasionalisme juga sering kali disama ertikan dengan *'asabiyyah* sebagai dua elemen yang sama dari segenap segi. Namun, apa yang harus difahami ialah; Nasionalisme dan *'asabiyyah* merupakan dua unsur yang sama tetapi tidak serupa. Kedua-duanya menjelaskan tentang dua status kelompok yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Dengan kata lain, *'asabiyyah* merupakan kewujudan kelompok kecil yang berauthoriti dalam kelompok yang lebih besar seperti kelompok Islam, pragmatisme, nasionalisme, komunisme, liberalisme, kapitalisme dan sebagainya.

Dalam perkembangan politik semasa, skop pengertian *'asabiyyah* merupakan unsur kedua penting dalam pembentukan sistem pemerintahan selepas unsur-unsur agama. Sekiranya unsur-unsur *'asabiyyah* tersebut begitu keterlaluan sehingga mengatasi dan melampaui had-had yang ditetapkan oleh syarak, kezaliman kemungkinan akan berlaku. Begitu juga halnya dengan perkembangan ideologi nasionalisme. Sehubungan ini penulis berpendapat, harus hukumnya meletakkan unsur-unsur *'asabiyyah* dan

¹⁰⁹ Abdullah Zaidi Hassan *Ibid*, hlm 34. Lihat juga al-Sābūni Muhammad Ali (1987) *Tafsir Ayāt al-Ahkām*, jld 2. Bayrūt: Alam al-Kutub, hlm 427-452.

nasionalisme sebagai mekanisme bagi tujuan positif seperti menegakkan sebuah negara berasaskan akidah dan syariat. Malah, wajib diperalatkan jika unsur-unsur tersebut merupakan satu-satunya kaedah yang terbaik pada suatu masa tertentu bagi tujuan tersebut. Namun haram jika unsur-unsur '*asabiyyah* dan nasionalisme digunakan bertujuan menentang pembentukan sesebuah negara Islam. Pendapat ini berdasarkan kepada kesimpulan *sīrah* Rasulullah dan beberapa teori pemikiran, iaitu ;

- i) Rasulullah dan para sahabat pernah mendapat bantuan dan sokongan daripada *Banī Hāsyim* dan *Bani Abd al-Muttalib* atas dasar '*asabiyyah* yang diperalatkan bagi menegakkan kalimah tauhid "*Lā Ilāh illa Allāh Muhammad Rasūlullāh*".
- ii) Pandangan Ibn Khaldūn yang mengutamakan gandingan antara agama dan '*asabiyyah* terutamanya pada peringkat permulaan bagi mewujudkan serta mengukuhkan status sesebuah negara.
- iii) Pandangan al-Syāhīd Hasan al-Banna yang sentiasa mencari titik persamaan antara ideologi tersebut dengan tuntutan syarak tanpa menolak nasionalisme secara total. Pada masa yang sama, beliau juga mengingatkan kewajiban umat Islam meninggalkan istilah nasionalisme dengan tidak memperjuangkannya.
- iv) Berdasarkan kaedah *usūl al-fiqh*, *الحكم يتغير بتغير الزمان و المكان والأحوال*, iaitu; hukum berubah/tidak tetap dengan berubahnya masa, tempat dan suasana.